



LAWATAN MESRA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMIL, PASIR PUTEH, KELANTAN KE UTMSPACE

UTMSPACE telah menerima kunjungan delegasi dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil, Pasir Puteh Kelantan pada 27 Jun yang terdiri daripada 10 orang guru pengiring dan 70 orang pelajar.

Sesi taklimat berkenaan institusi telah diadakan dan para delegasi juga dibawa bagi sesi lawatan kampus. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pn. Kartika Ista Binti Mohamed Shah wakil UTMSPACE dan En. Juhaidi bin Abdullah mewakili SMK Kamil.

Program diteruskan dengan sesi taklimat oleh pensyarah daripada Pusat Pengajian Ijazah iaitu Dr. Nurul Huda binti Baharuddin dan Cik Aina Mardziah binti Ahmad Rifa'i, serta En. Rosnizam bin Maarof Pengurus Besar, daripada Bahagian Pengambilan Pelajar bagi penerangan khusus penawaran program-program akademik di UTM.

LAWATAN MESRA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMIL, PASIR PUTEH, KELANTAN KE UTMSPACE

Delegasi SMK Kamil juga diraikan dengan sesi lawatan ke Perpustakaan Raja Zarith Sofiah UTM. Mereka diberikan penerangan khusus berkenaan pentadbiran dan operasi perpustakaan termasuklah maklumat dan kemudahan fasiliti yang disediakan, koleksi dan bahan rujukan pembelajaran, kaedah peminjaman bahan rujukan serta proses keahlian perpustakaan.

Sesi lawatan telah diakhiri dengan penyampaian cenderahati, jamuan ringan dan sesi fotografi diperkarangan bangunan UTMSPACE. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga atas kesudian SMK Kamil mengadakan kunjungan mesra ke UTMSPACE Johor Bahru





RESEPSI DAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM ASASI UTM PENGAMBILAN MEI 2019

UTMSPACE telah menganjurkan resepsi bagi pelajar antarabangsa pada 21 dan 22 April 2019 di Blok T05, UTMSPACE, UTM Skudai Johor Bahru. Program resepsi tersebut adalah sesi pendaftaran pelajar antarabangsa baharu yang telah berjaya untuk menyambung pengajian di program Asasi UTM. Seramai 13 pelajar antarabangsa dari lapan buah negara, telah hadir pada hari pendaftaran tersebut.

Manakala seramai 381 pelajar baharu tempatan telah hadir pada 24 April bagi mendaftar ke program Asasi UTM bertempat di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru, Johor. Kesemua pelajar telah menjalani sesi orientasi selama empat hari dan telah memulakan pengajian pada 28 April 2019. Syabas dan selamat maju jaya kepada semua pelajar !





LAWATAN VALIDASI KE YES INTERNATIONAL COLLEGE

Pada 1 Mac 2019 yang lalu beberapa ahli panel dari UTM telah membuat lawatan validasi ke YES International College. Lawatan validasi ini bertujuan untuk membuat pemeriksaan terperinci dan menyeluruh ke atas infrastruktur serta kemudahan yang disediakan bagi sesi pendaftaran pelajar baharu yang akan datang. Mereka juga perlu memenuhi syarat - syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak UTM.

Antara ahli panel yang menyertai lawatan tersebut adalah :

1. Dr. Aini Suzana binti Datuk Haji Ariffin, Penolong Dekan (Kualiti & Strategi)
2. Puan Nik Maria Nik Mahamood. Pengurus Besar PPD
3. Encik Mat Zain bin Mat, Pengurus Besar PPK
4. Ts Dr Sahnius bin Usman, KJ Kejuruteraan PPD
5. Dr. Ahmad Nasrul bin Mohamad Drs, KJ Sains Komputer & Perkhidmatan PPD
6. Encik Fahmi bin Ab Aziz (Urusetia)



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DIPLOMA UTM

UTMSPACE telah mengadakan pendaftaran bagi pelajar Diploma UTM pada 19 Jun 2019 yang lalu di Dewan Tan Sri Ainnuddin Wahid UTM Kuala Lumpur. Seramai 628 pelajar telah hadir dan mendaftar pada hari tersebut seterusnya memulakan pengajian di fakulti masing - masing. Daripada jumlah tersebut, 66 orang pelajar akan ditempatkan di Pusat Pembelajaran di UTM Johor Bahru yang terdiri daripada 29 orang pelajar bagi program Diploma Senibina, dan 37 orang bagi program Diploma Ukur Bahan.



PROGRAM IHYA RAMADAN UTMSPACE.

KESUKEB Johor Bahru telah melaksanakan Program Ihya Ramadan UTMSPACE dengan menjalankan beberapa acara sepanjang bulan Ramadan yang mulia. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti tadarus Al-Quran, penyediaan dan pengagihan bubur lambuk serta majlis khatam Al-Quran serta majlis berbuka puasa. Seluruh kakitangan UTMSPACE telah terlibat di dalam penganjuran program tersebut dan ia telah digerakkan bersama oleh ahli - ahli KESUKEB Johor Bahru.



MAJLIS ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA & PROGRAM KERJASAMA

Majlis Anugerah Graduan Cemerlang Program Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama telah diadakan dengan gilang gemilang pada 28 April 2019 di Hotel Impiana, Senai Johor Bahru. Penganjuran majlis tersebut bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTM yang ke 62. Seramai 488 graduan dari Program Pengajian Separuh Masa telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan hanya 48 graduan sahaja yang layak menerima Anugerah Dekan, 19 penerima Hadiah Akademik SPACE dan 19 graduan penerima Hadiah Khas SPACE.

Manakala graduan bagi program kerjasama yang berjaya menamatkan pengajian adalah seramai 468 graduan yang terdiri daripada graduan program diploma. Namun hanya 14 graduan sahaja yang layak menerima Anugerah Dekan pada majlis ini. Anugerah Medal pula dianugerahkan kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan memperolehi purata nilai gred keseluruhan (PNGK) 3.50 dan ke atas.

Bagi kategori Hadiah Khas SPACE, UTMSPACE telah mengklasifikasikan anugerah tersebut kepada beberapa kategori iaitu :

- 1) Kategori Suami Isteri,
- 2) Kategori Adik Beradik dan
- 3) Kategori Orang Kelaian Upaya

Untuk penerima Hadiah Graduan Cemerlang bagi Program Pengajian Separuh Masa, Saudara Yohanis Aching graduan daripada Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum). Manakala Hadiah Graduan CemerlangSPACE bagi Program Kerjasama UTM pula telah disandang oleh Saudari Sivasangkary a/p Muniandy daripada Unifield International College.

Semua anugerah telah disampaikan oleh Yang Berusaha Profesor Dr. Azlan Bin Abdul Rahman, menjalankan tugas Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dan Yang Berusaha Profesor Dr. Othman Bin Che Puan, Pengerusi SPACE.









UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

BE PART OF UTMSPACE BRAND



UTMSpace

UTMSpace, Level 4 & 5, Block T05,
Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.
Hotline: +607 531 8000 (JB) +603 2772 2500 (KL)
Whatsapp: 019-777 6690
Telegram: utmspaceofficial
Email: enquiry@utmspace.edu.my

- Part-Time Programmes (Diploma & Degree)
- Full-Time Diploma Programmes
- Joint Programmes
- Executive Programmes
- UTM Professional Skills Certificate
- International Degree Programmes (UTM-IDP & JAPAN-IDP)
- UTM Foundation Programme
- International Programmes
- Professional Development Programmes
- Transnational Education
- English Programmes
- Bachelor of General Studies (Hons)
- Bachelor of Business Administration (International Business) (Hons)